



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
Department of Social Welfare

Aras 6, 9-18, No.55 Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel.: 603-8323 1656/ 1658
Faks (Fax): 603-8323 2045
Laman Web: www.jkm.gov.my
(Website)

Rujukan Kami: JKM100/01/1/1/ Jld.24 (13)
Tarikh : 19 April 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**GARIS PANDUAN PEMBAYARAN ELAUN BAHASA KEPADA
JURUBAHASA BUKAN PENJAWAT AWAM**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBrs. Dr./tuan/puan berhubung perkara di atas.

2. Sepertimana YBrs. Dr./tuan/puan sedia maklum, Bahagian Pengurusan JKM telah menyediakan Garis Panduan Pembayaran Elaun Bahasa Kepada Jurubahasa Bukan Penjawat Awam di JKM sebagai rujukan utama kepada semua warga Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) khususnya kepada Ketua Jabatan/Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan pegawai-pegawai di PTJ/Pejabat Pemungut (PP) di bawah seliaan JKM berhubung tatacara pengendalian dan peraturan yang perlu dipatuhi.

3. Sehubungan itu, semua Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan semua peraturan kewangan berkuatkuasa dipatuhi dan dilaksanakan secara berhemat, cekap dan teratur. Jabatan amat menekankan pematuhan kepada peraturan kewangan yang berkuatkuasa

dan pelanggaran peraturan tersebut perlu diberi perhatian yang serius bagi mengelakkan prestasi Kewangan Jabatan terjejas.

4. Garis panduan ini adalah **berkuatkuasa pada 1 April 2021**. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pembayaran Elaun Bahasa Kepada Jurubahasa Bukan Penjawat Awam di JKM untuk perhatian dan tindakan pihak YBrs. Dr./tuan/puan selanjutnya. Garis Panduan ini juga boleh dimuatnaik di dalam portal JKM.

5. Perhatian dan kerjasama YBrs. Dr./tuan/puan dalam mematuhi peraturan Kewangan berkuatkuasa amatlah dihargai.

Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(**FATIMAH ZURAIDAH BINTI SALLEH**)

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

b.p. Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

s.k.:

- i. Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)
- ii. Pengarah Bahagian Pengurusan

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. Pengarah
Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya
2. Pengarah
Bahagian Kanak- Kanak
3. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Pembangunan
4. Pengarah
Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan
5. Pengarah
Bahagian Kebajikan Produktif
6. Pengarah
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
7. Pengarah
Bahagian Kawalan Standard
8. Pengarah
Bahagian Komuniti
9. Pengarah
Bahagian Warga Emas
10. Pengarah
Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat
11. Pengarah
Bahagian Kaunseling dan Psikologi
12. Pengarah
Bahagian Pengurusan Maklumat

SENARAI EDARAN LUAR

1. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor
Tingkat 2 Bangunan Darul Ehsan
No. 3 Jalan Indah, Seksyen 14
40000 Shah Alam
SELANGOR
2. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perak
Lot 1516, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh
PERAK
3. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah
Aras Bawah, Blok C, Kompleks Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan Bandar Muadzam Shah
06550 Alor Setar
KEDAH
4. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan
Blok 7, Kompleks Kota Darul Naim
15503 Kota Bharu
KELANTAN
5. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tingkat 9, Grand Seasons Avenue
No. 72, Jalan Pahang
53000 KUALA LUMPUR
6. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor
Tingkat 4, Blok A, Wisma Persekutuan
Jalan Air Molek
80000 Johor Bahru
JOHOR

7. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak
Wisma Kebajikan, Lot 4273, Blok 14
Off Jalan Siol Kanan
93050 Kuching
SARAWAK
8. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu
Tingkat 1, Wisma Negeri
Jalan Pejabat
20564 Kuala Terengganu
TERENGGANU
9. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang
Jalan Tanah Putih
25100 Kuantan
PAHANG
10. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang
Lapisan 35, Menara Komtar
10564 PULAU PINANG
11. Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Negeri Sabah
Tingkat 4 & 5, Wisma Kebajikan
Jalan Sembulan
88999 Kota Kinabalu
SABAH
12. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan
Tingkat 1B, Wisma Negeri
Jalan Dato' Abdul Malek
70000 Seremban
NEGERI SEMBILAN

13. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka
No. 36-2, Tingkat 2, Jalan KC 1
Bangunan Kota Cemerlang
75450 Lebuhraya Air Keroh
MELAKA

14. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis
Tingkat Bawah, Kompleks Pejabat
Kerajaan Negeri Perlis
01000 Kangar
PERLIS

15. Pengarah
Jabatan Kebajikan Masyarakat
Wilayah Persekutuan Labuan
3(1) Tingkat 3, Blok 4, Ujana Kewangan
Jalan Merdeka, P.S. 205,
87008 LABUAN



GARIS PANDUAN PEMBAYARAN ELAUN BAHASA KEPADA JURUBAHASA BUKAN PENJAWAT AWAM

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan tatacara pelaksanaan bayaran Elaun Bahasa kepada Jurubahasa Bukan Penjawat Awam yang terlibat dalam pengurusan dokumentasi dan penyediaan laporan siasatan berhubung kes kebajikan, perlindungan atau keganasan rumah tangga yang diserahkan oleh pihak luar terutamanya pihak polis kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Satu mesyuarat bagi membincangkan mekanisma pembayaran elaun kadar bahasa telah diadakan pada 17 Disember 2020 di Ibu Pejabat JKM yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JKM.
- 2.2 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bertanggungjawab menguruskan dokumentasi dan penyediaan laporan siasatan berhubung kes kebajikan, perlindungan atau keganasan rumah tangga yang diserahkan oleh pihak luar terutamanya pihak polis. Kes yang dikendalikan oleh pegawai JKM bukan

sahaja dari kalangan orang awam berstatus Warganegara Malaysia tetapi turut melibatkan orang awam berstatus Bukan Warganegara Malaysia yang tidak mahir bertutur atau menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

- 2.3 Pegawai JKM menghadapi kesukaran dalam penyediaan laporan seperti Laporan Pelindung/Akhlak/Sosial/Mangsa Permerdagangan Orang/Orang Papa dan lain-lain kes yang melibatkan orang awam berstatus Bukan Warganegara. Pegawai JKM memerlukan perkhidmatan penterjemah bahasa sama ada dari kalangan orang awam tempatan yang mempunyai kemahiran pelbagai bahasa atau bukan warganegara yang mempunyai pertuturan yang sama dengan kes yang sedang diuruskan.
- 2.4 JKM menerima peningkatan kes melibatkan orang awam dari pelbagai negara yang tidak mahir bertutur dalam Bahasa Inggeris dan berpandangan pembayaran elaun kepada jurubahasa bukan penjawat awam adalah penting dalam memudahkan urusan pegawai JKM.
- 2.5 Buat masa ini, JKM menggunakan perkhidmatan penterjemahan seperti berikut:
 - (a) Khidmat Jurubahasa Sukarelawan dari NGO berbayar (bayaran ditanggung oleh NGO);
 - (b) Khidmat Jurubahasa secara sukarela oleh NGO/orang perseorangan;
 - (c) Jurubahasa daripada kedutaan; dan
 - (d) Kaedah google translate.

- 2.6 Elaun Bahasa ini juga adalah sebagai sumbangan/saguhati kerajaan kepada orang awam yang membantu pegawai JKM menyediakan laporan kes dengan tepat dan betul mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan oleh Jabatan.
- 2.7 Punca kuasa pelaksanaan bayaran Elaun Bahasa kepada Jurubahasa Bukan Penjawat Awam adalah adalah seperti berikut:
- (a) Pekeliling Perbendaharaan WP 10.9 – Penetapan Kadar dan Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan berkuat kuasa 15 Januari 2021.
 - (b) Surat Kelulusan Ketua Setiausaha KPWKM berhubung Lantikan Jawatankuasa Penilaian, rujukan: KPWKM.400-1/1/1 JLD.31(9) bertarikh 19 Januari 2021.
- 2.8 Panduan ini adalah penting kepada semua Ketua Jabatan di peringkat Ibu pejabat/negeri/bahagian/daerah/jajahan/ institusi berhubung tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi memastikan pelaksanaan bayaran Elaun Bahasa kepada Jurubahasa Bukan Penjawat Awam di JKM dilaksanakan dengan efisien dan berkesan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 2.9 Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan segala urusan pembayaran dibuat secara teratur dan mematuhi tatacara kewangan yang sedang berkuat kuasa.

3. KEPERLUAN JURUBAHASA

3.1 JKM mendapati bahawa terdapat keperluan bagi pelaksanaan bayaran Elaun Bahasa kepada Jurubahasa Bukan Penjawat Awam atas keperluan seperti berikut:

- i. Penyediaan Laporan Pelindung, Laporan Akhlak, Laporan Sosial, Laporan Pegawai Pelindung Mangsa Pernerdagangan Orang, Laporan Sosial Pesalah Muda dan Laporan Penjaga at Litem (GAL);
- ii. Pelaksanaan program dan aktiviti di institusi;
- iii. Intervensi Kaunseling dan Psikososial;
- iv. Sesi taklimat, komunikasi keluarga dan kes-kes yang perlu mendapat rawatan di hospital/klinik; dan
- v. Lawatan dari delegasi luar negara ke institusi JKM.

4. PELAKSANAAN

4.1 Pemberian Elaun Khas ini adalah secara bertempoh berkuat kuasa pada 1 April 2021. Kadar elaun ini adalah seperti berikut:

Kategori	Profesional	Bukan Profesional
Kadar per jam	RM80 sejam	RM50 sejam
Kadar maksimum	4 jam sehari	4 jam sehari

4.2 Kelayakan

Jurubahasa Bukan Penjawat Awam yang layak diberikan elaun ini adalah seperti berikut:

4.2.1 Tafsiran Profesional

- (a) mempunyai Diploma/Ijazah/Sarjana/Phd; atau
- (b) mempunyai kelayakan sijil bahasa yang diiktiraf oleh badan pensijilan professional.

4.2.2 Tafsiran Bukan Profesional

- (a) mana-mana orang awam yang boleh menterjemah bahasa asing tetapi tidak mempunyai apa-apa kelayakan akademik.

4.3 Kategori Kumpulan Sasar

- (a) Mangsa Pemerdagangan Orang di bawah ATIPSOM 2007 (Akta 670) kategori kanak-kanak dan lelaki dewasa;
- (b) Kanak-Kanak yang dinyatakan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611);
- (c) Kes-kes di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) dan Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257); dan
- (d) Pesalah Muda dan Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) dikendalikan di bawah

Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) dan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611);

- (e) Kes-kes dibawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521);
- (f) Kes-Kes dibawah Akta Orang-Orang Papa 1977 (Akta 183).

4.4 Syarat Pembayaran

4.4.1 Bayaran elaun ini dibuat melalui borang tuntutan seperti di **Lampiran A** (Borang BP/JKM/Kew14) dan inuis (jika berkaitan) yang disahkan oleh Ketua Jabatan. Pengesahan penerimaan perkhidmatan hendaklah disahkan oleh penganjur sebelum permohonan bayaran dikemukakan.

4.4.2 Perkiraan kelayakan bayaran elaun ini adalah seperti berikut:

Kategori	Profesional	Bukan Profesional
Kadar per jam	RM80 sejam	RM50 sejam
Kadar maksimum	4 jam sehari	4 jam sehari

4.4.3 Tuntutan ini hendaklah dikemukakan **tidak lewat dari 30 hari dalam bulan berikutnya** dan hanya

satu tuntutan sahaja dibenarkan bagi setiap perkhidmatan yang telah dilaksanakan.

4.4.4 Tuntutan bagi perkhidmatan pada bulan Disember adalah tertakluk kepada arahan Penutupan Akhir Tahun dan kelulusan pembayaran di bawah AP58(a).

4.4.5 Tuntutan ini hendaklah dikemukakan kepada Unit Kewangan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing.

4.5 Kaedah Pembayaran

4.5.1 Pembayaran tuntutan ini akan diproses oleh Unit Kewangan di PTJ masing-masing.

4.5.2 Modul Invois Tanpa Pesanan Tempatan (PT) (Jenis K2).

4.5.3 PTJ boleh menyediakan baucar berganda dengan jumlah maksima 10 orang bagi setiap arahan pembayaran.

4.5.4 Penggunaan **peruntukan sedia ada** bagi pembayaran tuntutan ini.

4.5.5 Kod akaun bagi tuntutan ini adalah **B0229128**.
Perihal bayaran: Elaun Jurubahasa bulan JAN 2021.

4.5.6 PTJ (pegawai kes) berkaitan adalah bertanggungjawab membuat laporan bulanan seperti di **Lampiran B** ke Unit Kewangan pada setiap bulan bagi pemantauan pelaporan seperti yang diarahkan dan kawalan pengurusan bajet.

4.6 Dokumen Sokongan

4.6.1 Borang Senarai Semak Invois Tanpa Pesanan Tempatan seperti di **Lampiran C**.

4.6.2 Surat tawaran/jemputan perkhidmatan daripada Ketua Jabatan;

4.6.3 Salinan kad pengenalan/pasport;

4.6.4 Salinan penyata akaun bank yang terkini dan aktif;

4.6.5 Salinan sijil akademik atau sijil bahasa (jika berkaitan);

4.6.6 Semua dokumen sokongan yang dilampirkan bersama hendaklah mendapat pengesahan daripada Ketua Jabatan.

5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

5.1 Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk:

- (a) membuat perakuan tuntutan adalah benar dan mematuhi peraturan Kewangan berkuatkuasa;
- (b) membuat semakan dan pengesahan bagi setiap tuntutan elaun berdasarkan borang tuntutan; dan
- (c) memastikan pembayaran diuruskan dengan cekap dan teratur berdasarkan peruntukan dan peraturan yang berkuat kuasa. Tuntutan bagi bulan Disember tahun semasa boleh diuruskan pada bulan Januari tahun berikutnya.

6. TARIKH KUATKUASA

6.1 Pelaksanaan bayaran elaun ini berkuat kuasa mulai 1 April 2021 seperti kelulusan Pegawai Pengawal rujukan KPWK.M.400-1/1/1 JLD.32(15) bertarikh 29 Mac 2021 di **Lampiran D.**

7. PEMAKAIAN

7.1 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Pekeliling Perbendaharaan, Arahan Perbendaharaan dan peraturan-peraturan lain yang sedang berkuat kuasa.

8. PERTANYAAN

8.1 Pertanyaan mengenai panduan ini boleh dikemukakan kepada:

**Unit Kewangan
Bahagian Pengurusan
Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
Aras 18, No. 55 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
Telefon: 03-8323 1766/1900**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(FATIMAH ZURAIDAH BINTI SALLEH)
b.p. Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

01 April 2021

LAMPIRAN A



LAMPIRAN A
 Borang BP/JKM/Kow14

BORANG TUNTUTAN ELAUN BAHASA JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Bulan : _____ Tahun : _____

NOTA Sila lampirkan Senarai Somak Bayaran beserta surat tawaran, salinan kad pengenalan/pasport, salinan akaun bank, salinan sijil akademik/sijil bahasa dan lain-lain dokumen yang telah disahkan untuk dikemukakan ke Unit Kewangan seawat-lewatnya 30 hari selepas perkhidmatan selesai atau sebelum Tarikh Penutupan Akhir Tahun

BAHAGIAN A: (Diisi oleh Pemohon)

- i. NAMA : _____
- ii. NO. KAD PENGENALAN : _____
- iii. NO. AKAUN BANK : _____
- iv. NAMA & ALAMAT BANK : _____
- v. ALAMAT RUMAH : _____
- vi. NO. TEL BIMBIT : _____ EMEL : _____

BUTIR - BUTIR TUNTUTAN

JUMLAH BAYARAN

KUMPULAN PERIHAL / KADAR BAYARAN

(Sila tandakan (✓) yang mana berkenaan)

i	Profesional	RM30.00	<input type="checkbox"/>	RM _____
* Kadar maksimum adalah 4 jam sehari				
ii	Bukan Profesional	RM50.00	<input type="checkbox"/>	RM _____
* Kadar maksimum adalah 4 jam sehari				

Saya mengaku butir-butir yang dinyatakan di atas adalah benar.

 (Tandatangan Pemohon) Tarikh : _____

BAHAGIAN B: Pengesahan Pegawai Bertugas/ Urus Setia

Deahkan bahawa penama seperti di atas telah menjalankan tugas seperti yang dinyatakan dan layak untuk menerima Elaun Bahasa berjumlah RM _____.

 (Tandatangan Pegawai & Cop Nama) Tarikh : _____

BAHAGIAN C: Kelulusan Ketua Jabatan

Keputusan: Diluluskan/Tidak Diluluskan Jumlah Bayaran Diluluskan: RM.....

 (Tandatangan Ketua Jabatan & Cop Nama) Tarikh : _____

LAMPIRAN C

LAMPIRAN C



Unit Kewangan
Bahagian Pengurusan
Jabatan Kebajikan Masyarakat

BORANG SENARAI SEMAK INVOIS TANPA PESANAN KERAJAAN (ELAUN BAHASA)

Nama :
Pegawai :
Bahagian :
No. Tel :

ARAHAN

- Semak dokumen dan tandakan ✓ pada kotak yang disediakan.
- Pastikan hanya dokumen yang lengkap sahaja dikemukakan ke Unit Kewangan untuk mengelakkan daripada borang dikembalikan dan kelewatan proses bayaran.
- Pastikan dokumen mengikut susunan.
- Pastikan semua salinan dokumen hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan / Bahagian / Sekyen.

	Semakan Pemohon	Semakan Unit Kew.
1 Borang tuntutan telah diisi dengan lengkap		
2 Surat Tawaran Jabatan		
3 Salinan Kad Pengenalan/ Pasport		
4 Salinan Penyata Akaun Bank (Terkini dan Aktif)		
5 Salinan sijil akademik atau sijil bahasa;		
6 Lain-lain Dokumen (Nyatakan: _____)		

UNTUK KEGUNAAN UNIT KEWANGAN

- Dokumen lengkap untuk proses bayaran.
- Dokumen dikembalikan kepada Pemohon kerana:

Tarikh Dokumen
Dikembalikan

Tandatangan
Penyemak & Ccp
Tarikh:

Tandatangan Pengesah
& Ccp
Tarikh:

LAMPIRAN D

KPWKM.400-1/1/1 JLD.32 (15)

ULASAN TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (OPERASI), KPWK

Permohonan kelulusan penetapan Kadar Elaun Bahasa Kepada Jurubahasa Bukan Penjawat Awam Di Jabatan Kebajikan Masyarakat merujuk kepada minit bebas Bahagian Kewangan rujukan KPWK.400-1/1/1 JLD.32 (15) dengan ini:

Bil.	Kategori	Kadar/Jam (RM)
1.	Profesional	80.00
2.	Bukan Profesional	50.00

DISOKONG / TIDAK DISOKONG

Ulasan:

Hendaklah mematuhi prosedur dan pekeliling kewangan yang sedang berkuatkuasa.

(MOHD YUSRI BIN MOHD YUSOFF)

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Tarikh: 29 Mac 2021

PERAKUAN PEGAWAI PENGAWAL, KPWK

Permohonan kelulusan penetapan Kadar Elaun Bahasa Kepada Jurubahasa Bukan Penjawat Awam Di Jabatan Kebajikan Masyarakat merujuk kepada minit bebas Bahagian Kewangan rujukan KPWK.400-1/1/1 JLD.32 (15) dengan ini:

Bil.	Kategori	Kadar/Jam (RM)
1.	Profesional	80.00
2.	Bukan Profesional	50.00

DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN

Catatan:

Hendaklah mematuhi prosedur dan pekeliling kewangan yang sedang berkuatkuasa.

Berkuatkuasa mulai 1/4/2021 dan sah di semua pejabat.

(DR. MAZIAN BINTI CHE YUSOFF)

Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Tarikh: 29 Mac 2021

muka surat 4 dari 4